

Keentingan membina keyakinan diri



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD
zaiton.mohamad@yahoo.com

SEMUA manusia melalui saat kurang keyakinan dalam hidupnya. Adalah terlalu mustahil untuk seseorang memiliki

keyakinan diri dalam masa yang singkat. Mungkin juga ada yang terus mengaku diri hebat kerana mempunyai keyakinan diri. Namun sebelum berbicara lebih mendalam adalah lebih mudah memahami konsep Keyakinan diri.

Keyakinan merupakan kepercayaan yang tidak berbelah bagi kepada sesuatu perkara. Keyakinan diri pula ialah kepercayaan bahawa dirinya boleh mengendalikan kehidupannya dengan baik serta mampu menghadapi segala cabaran yang dihadapi dengan jayanya. Menurut psikologi, manusia tidak dilahirkan dengan terus memiliki keyakinan diri sebaliknya ia memerlukan proses yang berterusan dan tumbuh dalam diri secara beransur-ansur. Ia diibaratkan seperti proses seorang bayi yang mempelajari proses-proses untuk berjalan yang bermula terbalikan badan.

Apabila kita mula meniarap, seterusnya mula mengesot, merangkak dan seterusnya kita mula berdiri dan berjalan setapak demi setapak dan pada waktu itu kita sering kali tersungkur dan terjatuh. Namun kita tidak pernah berputus asa. Dengan cara tersebut keyakinan diri boleh dibina dan diteguhkan dengan setiap kejayaan dalam setiap langkah tersebut. Oleh sebab itu, kebolehan anda mengatasi setiap halangan dalam hidup merupakan menifestasi daripada usaha yang dilalui sebelum ini dalam menggapai setiap impian dan anda akan lebih mudah untuk mencapai kejayaan. Hal ini bermakna lebih yakin anda terhadap keupayaan diri anda maka lebih mudah setiap masalah yang datang dirungkaikan. Secara tidak langsung anda tidak akan mengalami simptom kesukaran untuk memulakan sesuatu yang baharu dalam hidup anda dan sudah tentu masa hadapan anda, lebih terbukalah untuk kejayaan.

Dalam memiliki keyakinan diri seseorang manusia akan terleka seketika dengan kelemahan yang dimilikinya. Lazimnya seseorang manusia tidak akan sedar dan mengakui bahawa diri sendiri mempunyai kelemahan dalam diri. Manusia yang memiliki keyakinan diri yang tinggi percaya kepada keupayaan keintelektualan, kepakaran, teknologi yang dimiliki, kekuatan kuasa kewangan, pengaruh dan sebagainya. Oleh sebab itu, kadang-kadang Pencipta manusia memberikan sesuatu ujian dalam menyedarkan manusia untuk kembali kepadaNya, berdoa, merintih dan merayu supaya ujian itu dihilangkan kerana dengan kaedah itu sahaja mereka akan mula menyedari bahawa keupayaan, keintelektualan, pengaruh kewangan, pangkat dan sebagainya terlalu rapuh di hadapan Pencipta manusia.

Justeru itu, keyakinan terhadap kekuasaan dan Keesaan Pencipta wajib diutamakan. Sekiranya semua manusia menyedari limitasi dirinya maka adalah lebih mudah untuk mentadbir urus diri, masyarakat, organisasi dan negara. Maka sudah tentu tidak timbul isu pergolakan, perebutan kuasa, penyalahgunaan kuasa, pecah amanah dan sebagainya. Lantaran itu keyakinan diri yang sebenarnya adalah bukan untuk melemahkan keyakinan kepada Pencipta, sebaliknya berusaha meletakkan diri sebagai hamba yang sentiasa bergantung harap kepada penciptaNya.